

# Maklumat untuk ibu bapa pelajar prospektif antarabangsa

University of Minnesota merupakan universiti penyelidikan awam utama di Amerika Syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1851. Universiti ini menawarkan lebih daripada 150 kursus ijazah, serta memiliki fakulti yang termasyhur dan kemudahan yang canggih. Para pelajar University of Minnesota terdiri daripada warganegara dari Amerika Syarikat dan 130 buah negara lain.



"[Pelajar UMN] selamat dan dijaga dengan baik. Semua aspek, sama ada isu akademik, fizikal, sosial atau keselamatan akan diuruskan sebaiknya."

– Azza Taher, Mesir, Ibu bapa Antarabangsa

## NILAI YANG BARBALOI

University of Minnesota mempunyai nilai yang berbaloi kerana universiti ini menawarkan kadar yuran yang berdaya saing dan hampir setara dengan universiti awam lain. Para pelajar juga boleh menggunakan pelbagai jenis sumber kerana universiti ini universiti penyelidikan bertaraf dunia. Lokasinya strategik di bandar metropolitan yang besar. Selain itu, U of M menawarkan biasiswa berasaskan merit serta keperluan untuk pelajar antarabangsa.

## KEDUDUKAN

**Ke-10** Institusi penyelidikan awam Amerika Syarikat  
Academic Ranking of World Universities

**Ke-41** Universiti Terbaik di Amerika Syarikat  
Q.S. World University Rankings

**Ke-57** Universiti Global Terbaik  
U.S. News and World Report



UNIVERSITY OF MINNESOTA  
**Driven to Discover**<sup>SM</sup>

## LOKASI YANG STRATEGIK

University of Minnesota berada di tengah-tengah wilayah metropolitan Minneapolis dan St. Paul, yang dikenali sebagai Twin Cities atau "Bandar Berkembar." Kawasan di persekitaran universiti ini memiliki kemesraan dan keselamatan bandar lebih kecil, serta peluang bandar metropolitan yang bertenaga.

Minneapolis dan negeri Minnesota sentiasa meraih kedudukan pertama sebagai kawasan paling sihat dan paling selamat di Amerika Syarikat. Universiti ini bekerjasama dengan bandar-bandar Minneapolis dan St. Paul untuk memastikan keselamatan pelajar di kampus dan di persekitaran berhampiran. Para pelajar boleh menggunakan pelbagai jenis pengangkutan termasuk kereta api rel ringan dan bas. Pengiring pejalan kaki dan bas percuma juga disediakan kepada pelajar yang tinggal berdekatan kampus atau berjalan sendiri.



### PELUANG KERJA DAN LATIHAN AMALI (INTERNSHIP)

15 buah syarikat yang tersenarai dalam Fortune 500 berada di Twin Cities. Oleh itu, para pelajar mempunyai banyak peluang pekerjaan dan latihan amali di

sini. University of Minnesota juga mempunyai pejabat perkhidmatan kerjaya yang menyediakan aktiviti perkembangan kerjaya yang berkualiti supaya pelajar dapat memaksimumkan pengalaman akademik dan kerjaya. Selain itu, pejabat ini membantu pelajar bersedia menempuh dunia kerjaya selepas mendapat ijazah.

## SOKONGAN YANG BERKUALITI

### NASIHAT AKADEMIK DAN VISA YANG BAGUS

Pekerja International Student and Scholar Services (ISSS) berdedikasi membantu pelajar antarabangsa supaya mendapat pengalaman pembelajaran terbaik di Universiti ini. Pelajar boleh berjumpa penasihat ISSS untuk berbincang tentang isu visa, akademik, atau peribadi mereka. Pejabat ini juga mengatur program yang membolehkan pelajar antarabangsa mendapat pengalaman kepimpinan, mengasah kemahiran akademik, serta bertemu dan berkongsi budaya mereka dengan pelajar lain.



[intlstudy.umn.edu](https://intlstudy.umn.edu)